

CNS9915

R GE 05-04 00186 BBI79

aab

UMNO KAJI KEPUTUSAN MAHKAMAH MENGENAI UNDANG-UNDANG LARANG LOMPAT PARTI
Mahathir-Sabah

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) - - Umno akan mengka ji sama ada keputusan Mahkamah Agung mengisytiharkan sebagai tidak sah undang-undang Kelantan yang meiarang ahli Dewan Undangan Negeri bertukar parti, boleh dirujuk dalam kes Sabah, Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata.

+Kita kena kaji implikasi undang-undang sebelum membuat sebarang keputusan, + katanya.

Bercakap kepada pemberita di rumah terbukanya sempena Hari Raya di sini, Perdana Menteri berkata adalah sukar untuk ditentukan sama ada keputusan Mahkamah Agung itu dapat digunakan untuk Sabah kerana tiada kes mahkamah berkaitap peraturan menyekat ahli berpindah parti di Sabah setakat ini.

+Adalah belum tentu sama ada apa yang diputuskan bagi Kelantan boleh digunakan untuk Sabah,+ katanya.

Jumaat lepas, Mahkamah Agung menqesahkan keputusan Mahkamah Tinggi bahawa undang-undang melarang ahli melompat parti yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada April tahun lepas sebagai batal dan mengisytiharkan Nordin Salleh dan Wan Mohamad Najib Wan Mohamad sebagai masing-masing berhak kekal mewakili kawasan Sungai Pinang dan Limbongan. -- lagi

▼05/04/15-39MST

CNS9917

R GB 05-04 00199 BBI80

a a b

Mahathir-Sabah 2 (akhir) Kuala Lumpur

Nordin dan Wan Najib telah meminta perisytiharan mahkamah bahawa undang-undang tersebut adalah bertentangan dengan Perlembagaan, tidak sah dan batal.

Mereka berdua telah bertanding dalam pilihan raya umum 1990 atas tiket Semangat 46 tetapi kemudian bertindak keluar parti untuk menyertai Umno.

Dewan Undangan Negeri Kelantan meluluskan undang-undang itu dengan kuasa retrospektif dan memecatkan mereka sebagai ahli dewan undangan negeri pada Julai.

Dr Mahathir berkata: +Keputusan itu mungkin boleh digunakan (bagi Sabah) tetapi kadang kala peguam nampak tak sama.+

Pada Julai tahun lepas, Dewan Undangan Negeri Sabah meluluskan pindaan kepada Perlembagaan Negeri yang membolehkannya melucutkan kedudukan seseorang ahli yang tidak lagi menjadi anggota parti politik Yang beliau wakili semasa memenangi ker'usi tersebut.

Beribu-ribu orang mengunjungi +Seri Perdana+, kediaman rasmi Dr Mahathir, untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada beliau dan menikmati juadah raya.

Antara mereka ialah Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Timbalan Menteri Pendidikan Dr Fong Chan Onn dan Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan. -- Bernama

▼05/04/16-08MST